

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 15/03/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 32

32 DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA • RABU 15 MAC 2017



ABDUL FATTAH ABDULLAH (kanan) beramah mesra dengan peserta Program Dialog Perniagaan-Peluang Untuk Koperasi di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Taktik lapuk tidak dapat kaburi pihak berkuasa

Jangan manipulasi CSR elak bayar cukai

Oleh ADLINAHANI KHALIL
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 14 MAC

AHLI-AHLI perniagaan di negara ini tidak perlu lagi berselindung di sebalik penganguran pelbagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan niat mengelak daripada membayar cukai yang berjumlah puluhan juta ringgit.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad ('Angkasa'), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, taktik itu sudah lapuk serta tidak dapat mengaburi mata pihak berkuasa.

Menurut beliau, sesiapa sajaha yang terlibat harus dikenakan tindakan undang-undang tegas tanpa mengira pangkat individu terbabit.

"Cukai yang perlu dibayar mungkin berjuta ringgit tetapi disebabkan nak elak, ada syarat anjur banyak program CSR yang sebenarnya hanya melibatkan pengeluaran kos lebih sedikit berbanding jumlah cukai yang perlu dilunaskan."

"Sampai bila naik guna taktik tersebut untuk mengelak tunaikan tanggungjawab kepada negara? Kesannya mungkin tidak dapat dilihat dalam tempoh singkat namun generasi akan datang yang terkena tempias, terutamanya dalam aspek pembangunan negara," katanya ketika ditemui pembenaran selepas merasmikan Program Dialog Perniagaan-Peluang Untuk Koperasi di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Operasi Koperasi Co-opbank Persatuuan, Mohd. Dzafwan Khalid.

Laporan Khas Utusan Malaysia

hari ini mendedahkan lebih ramai ahli perniagaan bergelar Tan Sri dan Datuk Sen akan distasas dalam tempoh terdekat atas kesalahan mengelak cukai dan menjayah kewangan.

Difahamkan, mereka terdiri dari pada ahli-ahli perniagaan terkemuka yang terlibat dalam pelbagai bidang dan industri termasuklah pembangunan harta tanah, perbankan dan automobil.

Sementara itu, Abdul Fattah menyatakan kelegaan apabila mengetahui laporan mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang ingin mengambil alih operasi Bank Rakyat adalah palsu.

Katanya, penafian oleh Bank Rakyat menggambarkan bahawa bank tersebut masih memperjuangkan agenda koperasi terutamanya untuk semua ahli di seluruh negara.

"nonambahan manfaat dan dilulus dalam masa enam bulan" "Dalam perkembangan

Perpustakaan Koperasi
Malaysia